

05 MAR 1999

Mahathir-Sabah (BN)

RAKYAT SABAH DAPAT KERAJAAN "DUA DALAM SATU" JIKA PANGKAH BN

TUARAN, 5 Mac (Bernama) -- Rakyat Sabah akan mendapat kerajaan "dua dalam satu" iaitu di peringkat negeri dan pusat jika memilih Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya negeri minggu depan, satu pakej yang disifatkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai pilihan terbaik bagi menjamin masa depan negeri itu.

Dalam ucapan kempen pilihan raya untuk calon-calon BN di sini pagi ini, beliau berkata pengundi di Sabah yang memangkah simbol BN "dacing" pada kertas undi nanti semacam menerima "bonus" kerana sekaligus mendapat dua kerajaan yang saling bekerjasama erat dalam semua perkara.

" Sekali pangkah dacing, dua kali untung. Apa lagi yang kita mahu," katanya disambut oleh tepukan beribu-beribu orang yang menyambut ketibaannya di pekan tepi pantai yang terkenal dengan pusat-pusat perangnya.

Dr Mahathir dalam ucapannya juga mengumumkan bahawa kerajaan BN di peringkat pusat akan menutup pintu kepada Parti Bersatu Sabah (PBS) untuk menyertai BN sekalipun parti pembangkang itu memenangi cukup kerusi untuk menubuh kerajaan negeri selepas pilihan raya pada 12 dan 13 Mac ini.

Dr Mahathir berkata beliau tidak mahu melihat berulangnya peristiwa PBS menikam kerajaan persekutuan dari belakang seperti yang berlaku pada 1990.

Pada tahun itu ketika BN bersiap-siap untuk menghadapi pilihan raya umum, PBS keluar dari BN pada saat-saat terakhir untuk menyokong Parti Semangat 46 di peringkat pusat, mengakibatkan BN kehilangan rakan komponen yang kuat di Sabah.

"PBS tidak setia sebagai kawan. Ia hanya tahu mengambil kesempatan dan sudah tentu kita tidak boleh berkawan dengan parti yang semacam ini," katanya.

Mengenai Parti Bersekutu pimpinan bekas Ketua Menteri Datuk Harris Salleh yang juga bertanding pada pilihan raya kali ini, perdana menteri yakin rakyat Sabah akan menolak parti itu sepenuhnya kerana ia hanya muncul tidak lama sebelum pilihan raya.

Dr Mahathir juga menjelaskan mengenai kehadiran ramai pemimpin BN dari Semenanjung Malaysia yang berkempen di negeri ini untuk calon-calon BN, dengan berkata beliau tidak nampak rasionalnya mengapa ini dijadikan isu oleh parti-parti pembangkang dalam sebuah negeri yang mengamalkan konsep persekutuan seperti Malaysia.

Perdana Menteri yang tiba di sini malam tadi untuk lawatan tiga hari juga berkata, parti-parti BN bertanding dalam pilihan raya untuk menubuhkan kerajaan yang kuat dan bukan seperti sesetengah parti yang bertanding semata-mata untuk "seronok menjadi Yang Berhormat".

Dr Mahathir menyebut PAS sebagai contoh. Katanya, parti itu bertanding di enam kawasan pilihan raya Sabah kali ini walaupun ia tahu tidak akan mendapat sokongan rakyat.

" Bolehkah ia menubuh kerajaan jika menang enam kerusi," tanyanya.

Jika mereka ini semata-mata mahu seronok digelar "Yang Berhormat", beliau cadangkan mereka menukar nama kepada "Yang Berhormat" supaya rakyat memanggil mereka dengan nama itu sampai bila-bila masa.

Beliau juga berjanji akan "mengawasi" wakil-wakil rakyat dari BN bagi memastikan mereka betul-betul berkhidmat kepada rakyat.

" Kalau ada yang tak bekerja betul-betul, tolong bagi tahu saya," katanya.

Perdana Menteri yang tiba di sini malam tadi untuk lawatan tiga hari

juga berkata, parti-parti BN bertanding dalam pilihan raya untuk menubuhkan kerajaan yang kuat dan bukan seperti sesetengah parti yang bertanding semata-mata untuk "seronok menjadi Yang Berhormat".

Dr Mahathir menyebut PAS sebagai contoh. Katanya, parti itu bertanding di enam kawasan pilihan raya Sabah kali ini walaupun ia tahu tidak akan mendapat sokongan rakyat.

"Bolehkah ia menubuh kerajaan jika menang enam kerusi," tanyanya.

Jika mereka ini semata-mata mahu seronok digelar "Yang Berhormat", beliau cadangkan mereka menukar nama kepada "Yang Berhormat" supaya rakyat memanggil mereka dengan nama itu sampai bila-bila masa.

Beliau juga berjanji akan "mengawasi" wakil-wakil rakyat dari BN bagi memastikan mereka betul-betul berkhidmat kepada rakyat.

"Kalau ada yang tak bekerja betul-betul, tolong bagi tahu saya," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, Kerajaan Persekutuan tidak harus dipersalahkan sekiranya peruntukan kewangan kepada Sabah berkurangan akibat Sabah diperintah parti pembangkang.

Menurut beliau, ada yang berkata bahawa Kerajaan Persekutuan tidak adil kerana tidak mempertimbangkan kehendak rakyat semata-mata kerana keengganannya untuk menolong PBS.

"Kita timbang (kehendak rakyat)... bukan kita tidak timbang tetapi apabila kita bagi pertolongan, dia (PBS) akan menepuk dada dan berkata dia masih dapat juga (peruntukan) walaupun dia pembangkang."

"Jadi, kita tidak bagi... hanya yang kita bagi ialah kerajaan BN di Sabah. Kita tidak akan tolong orang lain sedangkan kita tidak ditolong oleh mereka. Kita akan tentukan pertolongan diberi hanya kepada kerajaan BN," kata beliau.

Sebab itulah, kata Dr Mahathir, rakyat Sabah perlu mengundi BN pada pilihan raya negeri akan datang kerana Sabah memerlukan sebuah kerajaan negeri yang serasi dengan Kerajaan Pusat.

"Datuk (Joseph) Pairin Kitingan dan Harris sendiri mengakui perlunya hubungan baik dengan Kerajaan Pusat tetapi apa perlunya Kerajaan Pusat mengadakan kerjasama dengan mereka sedangkan mereka bukan berada dalam BN," tanya beliau.

BN telah mempunyai kerajaan di Sabah dan sudah tentulah lebih mudah Kerajaan Pusat bekerjasama dengannya, kata beliau.

"Hanya kerajaan BN di Sabah yang boleh adakan hubungan yang baik, rapat dan berkesan dengan kerajaan Pusat di Kuala Lumpur. PBS, Bersekutu dan parti-parti lain tidak mungkin dapat memberikan bekerjasama seperti itu," katanya.

Perdana Menteri, turut menyentuh isu kegawatan ekonomi negara yang kini menuju ke arah pemulihan hasil daripada keberkesanan langkah yang dilaksanakan kerajaan bagi membendung masalah itu.

"Ekonomi kita mula tumbuh semula kerana tindakan yang diambil kerajaan tetapi jangan fikir ia terjadi dengan sendirinya. Ia cuma berlaku kerana kerajaan BN mengambil tindakan tertentu seperti mempertahankan nilai matawang ringgit," katanya.

Kalau kerajaan tidak cekap, negara akan berhadapan dengan masalah yang lebih teruk manakala perniagaan pula akan menjadi bankrap, kata beliau.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Ketua Menteri Tan Sri Bernard Dompok serta calon BN bagi kawasan Tamparuli, Datuk Wilfred Bumburing, Datuk Hajiji Mohd Noor (Sulaman) dan Datuk Gisin Lombut (Kiulu).

Selepas majlis itu, Perdana Menteri bertolak ke masjid daerah Kawang, kira-kira 60km dari sini untuk menunaikan solat Jumaat.

-- BERNAMA

JS PR